



1

RM1000 +
1 baucar tiket ETS percuma +
Sijil penghargaan

2

RM800 +
1 baucar tiket ETS percuma +
Sijil penghargaan

3

RM600 +
1 baucar tiket ETS percuma +
Sijil penghargaan

SAGU HATI

RM400 +
Sijil penghargaan
(3 Pemenang)

Pertandingan

POSTER INFOGRAFIK KTM KOMUTER

Bersempena dengan
Dekad Bahasa Kebangsaan 2021
Sektor Industri Khusus



#DekadBahasaKebangsaan
#BahasaJiwaBangsa

Borang penyertaan berserta terma dan syarat pertandingan
boleh dimuat turun melalui laman sesawang KTMB, www.ktmb.com.my
Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 SEPTEMBER 2021 (RABU).

Sebarang pertanyaan lanjut, e-melkan kepada dbksik2021@gmail.com atau
hubungi talian 03 - 2267 1200



@ktmberhad



@ktmbofficial



@ktm_berhad



**PERTANDINGAN POSTER INFOGRAFIK KTM KOMUTER
BERSEMPENA DENGAN
DEKAD BAHASA KEBANGSAAN 2021
PERINGKAT SEKTOR INDUSTRI KHUSUS**

1.0 SYARAT PENYERTAAN

- 1.1 Pertandingan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas kecuali keluarga urus setia pertandingan.
- 1.2 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 September 2021.
- 1.3 Peserta perlu menghasilkan poster infografik yang bertemakan KTM Komuter.
- 1.4 Penyertaan adalah **PERCUMA**.
- 1.5 Setiap peserta dibenarkan menghantar **SATU PENYERTAAN** sahaja.
- 1.6 Karya yang dihantar hendaklah karya asli yang tidak diciplak atau diambil daripada mana-mana sumber serta belum pernah disiarkan oleh pihak lain.
- 1.7 Karya yang dihasilkan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama, tidak berunsurkan politik, dan bebas daripada unsur negatif.
- 1.8 Peserta memberi jaminan bahawa apa-apa bahan penerbitan semasa menghasilkan karya tidak melanggar mana-mana hak cipta yang ada dan tidak melanggar mana-mana undang-undang atau yang mengaibkan. Sekiranya berlaku kemungkiran jaminan ini, penganjur tidak akan bertanggungjawab dan segala kerugian ditanggung oleh peserta.
- 1.9 Penganjur berhak berkongsi karya yang terpilih untuk penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), sama ada karya dalam bentuk bercetak atau dimuat naik ke dalam media sosial rasmi tanpa sebarang tuntutan oleh peserta.
- 1.10 Penganjur mempunyai hak milik mutlak ke atas karya yang dihantar oleh peserta.
- 1.11 Sebarang kos dalam menghasilkan karya ditanggung oleh peserta.
- 1.12 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas segala kehilangan harta benda, kemalangan, kecederaan atau kematian sewaktu penghasilan karya oleh peserta.
- 1.13 Keputusan panel juri adalah muktamad.
- 1.14 Urus setia pertandingan berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan.

2.0 TATACARA PENGHANTARAN KARYA

- 2.1 Peserta melengkapkan borang penyertaan yang boleh dicapai menerusi pautan <https://forms.gle/GgDqGoXq3ojKZzXy5>
- 2.2 Peserta menyediakan format poster infografik seperti yang berikut:
 - (a) Jenis dan saiz rupa taip adalah bebas.
 - (b) Hendaklah menggunakan BAHASA MELAYU sahaja.
 - (c) Salinan lembut (*soft copy*) dihantar satu muka surat sahaja berformat JPEG/PNG. Saiz poster berukuran 21 cm x 29.7 cm (Saiz A4 potrait). Fail tidak boleh melebihi 20MB dengan resolusi 300dpi, RGB.
 - (d) Poster infografik dinamakan dengan nama penuh peserta seperti "NurasmidarZamanhur".
- 2.3 Peserta memuat naik karya menerusi pautan pada item 2.1.

3.0 HADIAH PERADUAN

- (a) Hadiah Pertama – RM1000 + 1 tiket baucer ETS + Sijil penghargaan
- (b) Hadiah Kedua – RM800 + 1 tiket baucer ETS + Sijil penghargaan
- (c) Hadiah Ketiga – RM600 + 1 tiket baucer ETS + Sijil penghargaan
- (d) Sagu hati (3 orang) – RM400 + Sijil penghargaan

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, peserta boleh menghubungi pihak urus setia melalui talian;

Urus Setia,
En. Ku Hifzhuddin (KTMB)
En. Iskandar (KTMB)
Pn. Nurulhuda (DBP)
Pn. Nor Amira (DBP)
E-mel : dbksik2021@gmail.com
No. Telefon: 03-2267 1200